

Kelapa tiada perlu subsidi lagi—PM

Oleh **NASRI ABDULLAH**

LANGKAWI, Sabtu — Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad berkata kerajaan tidak perlu lagi memberi subsidi kepada industri kelapa kerana harga kelapa sekarang sudah meningkat berikutan pelbagai langkah yang dijalankan oleh kerajaan.

Menurut Perdana Menteri, antara langkah memastikan harga kelapa sentiasa pada kadar yang memuaskan ialah memperkenalkan minuman air kelapa muda di seluruh negara.

Ketika berucap merasmikan Pesta Kelapa Antarabangsa di sini hari ini, Perdana Menteri berkata, dengan memperkenalkan air kelapa muda secara besar-besaran bukan saja pasaran kelapa dapat dipertingkatkan, bahkan harga kelapa turut naik.

Katanya, untuk menjamin masa depan industri kelapa negara, kawasan tanaman kelapa perlu dikurangkan bagi memastikan hanya kawasan yang benar-benar menghasilkan pengeluaran tinggi dan bermutu sahaja diusahakan.

Penggunaan bahan daripada kelapa harus dipertingkatkan bagi memastikan penanam kelapa dapat menambah sumber pendapatan mereka, katanya.

"Kita perlu berusaha peringkat demi peringkat untuk mempertingkatkan pendapatan daripada hasil kelapa agar kelapa terus kekal di Malaysia, sekurang-kurangnya sebagai tanaman pelbagai guna," katanya.

Menurut Perdana Menteri, masa depan kelapa tidak lagi bergantung kepada pengeluaran minyak kelapa, tetapi kepada pengeluaran makanan daripada tanaman itu.

Membuat biskut

Oleh itu, katanya, penyelidikan perlu dilakukan dalam penggunaan kelapa sebagai makanan ringan, seperti membuat biskut dan manisan lain yang boleh mendapat pasaran antarabangsa.

Datuk Seri Dr Mahathir berkata, jika rakyat negara ini sanggup melabur dalam industri membuat bahan makanan daripada kelapa, negara akan memperoleh satu lagi sumber pendapatan.